# AUDIT SYARIAH: TEORI DAN PELAKSANAAN

**Azizi Che Seman**

Akademi Pengajian Islam,

Universiti Malaya

KLIFF2017
KUALA LUMPUR ISLAMIC FINANCE FORUM

14th KUALA LUMPUR ISLAMIC FINANCE FORUM 2017

3 - 5 October 2017 | Hotel Istana Kuala Lumpur, Malaysia

# Kandungan


Pengenalan
Audit Syariah Menurut Rangkakerja Tadbir Urus BNM
Audit Syariah menurut APKI 2013
Objektif Pelaksanaan Audit Syariah
Kepentingan Audit Syariah
Proses Audit Syariah

# Pengenalan

- Audit Syariah telah diperkenalkan dalam institusi kewangan Islam (IKI) setelah Bank Negara Malaysia mengeluarkan Rangkakerja Tadbir urus Syariah pada tahun 2011
- Fungsi Audit Syariah di sesebuah IKI diperkukuhkan lagi dengan pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013)

# Audit Syariah Menurut Rangkakerja Tadbir Urus BNM

- Merujuk kepada penilaian berkala yang dijalankan dari semasa ke semasa, untuk memberi penilaian bebas dan jaminan objektif bertujuan untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap pematuhan berkaitan dengan operasi perniagaan IKI, dengan objektif utama untuk memastikan sistem yang kukuh dan berkesan sistem kawalan dalaman bagi pematuhan Syariah

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Audit Syariah menurut APKI 2013

- Seksyen 37 APKI 2013:
  - 37. (1) Bank boleh menghendaki suatu institusi untuk melantik mana–mana orang sebagaimana yang Bank boleh luluskan, untuk menjalankan audit pematuhan Shariah oleh institusi itu.

# Objektif Pelaksanaan Audit Syariah

Untuk menentukan kecukupan, keberkesanan dan kecekapan aktiviti operasi harian terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IKI.

Untuk memastikan kawalan yang mencukupi dan segala keputusan Jawatankuasa Syariah telah dilaksanakan oleh IKI sepenuhnya.

Untuk mengenal pasti mana-mana penambahbaikan yang perlu dipertimbangkan oleh pihak Pengurusan IKI dalam mengetatkan lagi pematuhan Syariah.

# Kepentingan Audit Syariah

- Meningkatkan nilai dan keyakinan para pemegang saham dan pelanggan
- Mengurangkan risiko ketidakpatuhan syariah dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan
- Meningkatkan kawalan pengurusan risiko Syariah dalaman IKI
- Sebagai *"check and balance"* kepada pematuhan terhadap fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah IKI.



# Proses Audit Syariah



# 1. Perancangan Audit Syariah




- **Perancangan Pelan Tahunan Audit Syariah**
  - Unit Audit Syariah perlu membuat perancangan audit Syariah tahunan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Syariah/Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit untuk kelulusan.
- **Perancangan bagi proses penilaian Audit Syariah**
  - Unit Audit Syariah perlu menentukan skop penilaian serta saiz sampel yang ingin dinilai sebelum pelaksanaan sesuatu proses penilaian yang akan dijalankan.

# 2. Pelaksanaan Audit Syariah

- Skop Audit dan Liputan/ *Audit Scope and Coverage*
- Sumber Berkuasa/ *Authorities*
- Tahap Keprihatinan/ *Level of Concern*
- Penyediaan dokumentasi sokongan bagi pelaporan/ *Provide support documentation for reporting*



# Skop Audit dan Liputan/ *Audit Scope and Coverage*

- Skop dan liputan penilaian akan meliputi perkara-perkara berikut:

**Audit penyata kewangan IKI**

**Audit pematuhan ke atas struktur organisasi, orang, proses dan sistem aplikasi teknologi maklumat**

**Menilai kecukupan proses tadbir urus Syariah**

# Sumber Berkuasa/ *Authorities*

- Rujukan sumber-sumber berkuasa bagi proses penilaian adalah seperti berikut:
  - Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
  - Rangkakerja Tadbir urus Syariah
  - Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam
  - Dokumen Polisi dan Piawaian Syariah
  - Fatwa dan kelulusan Jawatankuasa Syariah IKI
  - Polisi dan Prosedur Pengendalian Standard (SOP) dalaman IKI

# Tahap Keprihatinan/ *Level of Concern*

- Semua dokumentasi yang berkaitan produk yang ditawarkan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah termasuk kelulusan Syariah mengenai Struktur Produk, Dokumentasi Undang-undang, Manual Produk dan Prosedur Pengendalian Standard
- Keberkesanan Organisasi Syariah contohnya: Penyelidikan Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Penilaian Syariah dalam usaha untuk memastikan produk dan perkhidmatan mematuhi sepenuhnya keperluan Syariah dalaman dan luaran.

# 3. Pelaporan Audit Syariah




- Membuat laporan lengkap bagi sesuatu proses penilaian yang dibuat dengan menyenaraikan perkara-perkara berikut:
  - Menyenaraikan pemerhatian dan dapatan yang diperolehi semasa proses penilaian dibuat.
  - Sertakan dokumentasi sokongan terhadap pemerhatian dan dapatan dibuat
  - Pembentangan laporan kepada Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit bagi kelulusan.

# Samb…

- Proses penilaian dan pelaporan kepada Jawatankuasa Syariah



# Samb…

- Sekiranya terdapat isu-isu ketidakpatuhan Syariah dalam laporan yang dibentangkan, isu tersebut perlu dilaporkan mengikut Dokumen Polisi *Operational Risk Integrated Online Network* (ORION) .

# Samb…

- Isu Syariah yang berpotensi:
  - IKI hendaklah melaporkan sebarang kejadian SNC yang berpotensi kepada ORION dalam tempoh 1 hari bekerja setelah pengesahan oleh pegawai Syariah yang berkelayakan.
  - Kejadian ini mesti dibentangkan dalam mesyuarat JS dalam tempoh 14 hari bekerja dari pengesahan isu oleh pegawai Syariah yang berkelayakan.

# Samb…

- Kejadian sebenar SNC:
  - IKI perlu melaporkan sebarang kejadian SNC sebenar kepada ORION dalam tempoh 1 hari bekerja dari tarikh pengesahan JS.
  - IKI hendaklah melaporkan kepada ORION pelan pemulihan seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan JS dalam tempoh 30 hari kalendar dari tarikh laporan SNC sebenar kepada Bank.

# 4. Pemantauan Audit Syariah

- Syor dan cadangan terhadap pemerhatian dan dapatan perlu dipantau oleh pihak IKI bagi memastikan ianya dilaksanakan mengikut saranan oleh Pengurusan/ Jawatankuasa Syariah/ Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit
- Laporan pelaksanaan perlu dibentangkan semula kepada Jawatankuasa bagi memaklumkan status pelaksanaan dan tindakan selanjutnya.



# Audit Syariah – Perspektif Jawatankuasa Syariah

- Perlukah Jawatankuasa Syariah menentukan skop audit dan pelan audit Syariah?
- Perlukah audit Syariah dilaksanakan oleh seorang pegawai Syariah berkelayakan *(Qualified Shariah Officer)*?
- Salah satu skop audit Syariah adalah untuk mengaudit Jawatankuasa Syariah bagi menguatkan tadbir urus serta memastikan kebebasan Jawatankuasa dalam mengeluarkan keputusan tanpa terikat dengan mana-mana pihak.....Audit syariah ke atas Jawatankuasa Syariah?



# TERIMA KASIH